

22 JAN 2002

PM-GABUNG/I

PM TIDAK FIKIR UTAMA BANKING DAN RHB BANK AKAN BERGABUNG

BANGI, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak fikir bahawa Utama Banking Group akan bergabung dengan RHB Bank Bhd.

"Saya difahamkan bahawa perbincangan (antara mereka) telah telah terhenti, runtuh," katanya pada Hari Kerjaya Universiti Kebangsaan Malaysia di sini.

Utama Banking Group terpaksa mencari rakan kongsi lain, kata Dr Mahathir.

"Kita beri mereka (Utama Banking) enam bulan. Jika mereka tidak dapat rakan (ketika itu), kita batalkan lesen merek," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya Utama Banking tidak boleh mencari rakan kongsi, "kita tidak boleh benarkan mereka berfungsi kerana kita telah memutuskan mengenai 10 bank dan tiada lagi."

"Kita harapkan mereka (Utama Banking dan RHB Bank) akan bergabung," katanya.

Ditanya kenapa kedua-dua bank itu mendapat layanan istimewa dengan mendapat lanjutan, katanya, "mungkin mereka mempunyai masalah khas."

Sementara itu pengerusi eksekutif RHB Banking Group Tan Sri Rashid Hussain hari ini berkata bahawa RHB secara rasmi masih dalam perundingan dengan Utama Banking mengenai usaha penggabungan itu.

Bila ditanya oleh pemberita sekiranya harga menjadi batu penghalang bagi kedua-dua pihak untuk mencapai persetujuan, Rashid berkata:

"Orang bercakap mengenai harga. Saya tahu pasti itulah dia. Saya telah membayangkan, malahan, dan Lembaga (pengarah) UBG telah bersetuju.

"Tetapi mereka telah membayangkan bahawa ia adalah tertakluk kepada Cahya Mata Sarawak Board (syarikat induk). Saya telah membuat semua kerja saya dan telah melakukan apa yang harus dilakukan. Saya cuma menunggu."

Rashid berkata kumpulan RHB telah menunggu "cukup lama" untuk mencapai persetujuan.

Tidak perlu menunggu sembilan bulan lagi untuk menyelesaikan perundingan itu dan jika ada asas penilaian profesional, katanya.

"RHB telah merupakan bank peneraju, kami tidak perlu berbuat sesuatu. Oleh itu saya fikir jika anda mahu menguasai, ada harga untuk itu,"

katanya. -- BERNAMA

TM SHY OS